

MEDIA RELEASE

7 Julai 2014

Anugerah Guru Arif Budiman 2014

1. Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) akan menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2014.
2. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf guru-guru Bahasa Melayu dari sekolah-sekolah arus utama atas sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.
3. Sejumlah empat anugerah daripada dua kategori akan diberikan. Anugerah Guru Arif Budiman (Teladan) diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman (Perangsang) pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun. Kedua-dua kategori anugerah ini akan diberikan kepada seorang guru daripada kategori sekolah rendah serta sekolah menengah dan prauniversiti.

Anugerah		Sekolah Rendah	Sekolah Menengah & Prauniversiti
1	Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan	1	1
2	Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang	1	1
	Jumlah	2	2

4. Calon-calon akan dinilai berdasarkan keupayaan mereka meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kesusasteraan Melayu dan budaya Melayu. Sikap, dedikasi dan ketekalan calon dalam mencapai kecemerlangan terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah juga akan dijadikan landasan penilaian. Pada masa yang sama, kepekaan dan keprihatinan calon terhadap kebajikan pelajar serta ceminan nilai 'Arif' dan 'Budiman' melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik akan dipertimbangkan.

5. Pencalonan dibuka dari **7 Jul 2014 hingga 15 Ogos 2014**. Pencalonan boleh dibuat oleh pelajar, guru, ibu bapa, pengetua sekolah dan masyarakat umum dengan menggunakan borang pencalonan rasmi.

6. Borang pencalonan rasmi akan disiarkan melalui media massa dan akan diedarkan kepada semua sekolah arus utama. Borang pencalonan juga boleh dimuat turun dari lalaman-lalaman yang berikut:

mlpc.sg

nie.edu.sg

beritaharian.sg

7. Setiap pencalonan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
8. Hanya borang pencalonan rasmi sahaja yang diterima.